

27 OCT 2002

Mustapa-Sekolah

UMNO KELANTAN SOKONG TINDAKAN HENTI BANTUAN SEKOLAH AGAMA

KOTA BAHARU, 27 Okt (Bernama) -- Badan Perhubungan Umno Kelantan menyifatkan langkah kerajaan menghentikan sementara bantuan per kapita kepada Sekolah Agama Rakyat (SAR) sebagai "amat tepat" bagi memastikan sekolah-sekolah itu bersih daripada pengaruh politik.

Pengerusinya Datuk Mustapa Mohamed berkata pihaknya telah menerima banyak laporan daripada pelbagai pihak yang mengadu sekolah-sekolah itu dijadikan markas dan pusat penyebaran kempen PAS di kalangan guru, pelajar dan ibu bapa.

"Terdapat daripada sekolah itu bukan mengajar agama sebaliknya pelajar ditanam dengan ideologi PAS," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Jumaat lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata tindakan itu diambil berikutan ada sesetengah sekolah terbabit menyalahgunakan bantuan itu bagi tujuan politik.

Mustapa berkata tindakan PAS itu sebenarnya menjejaskan masa depan pelajar apabila mereka bukan diberikan ilmu sebaliknya ditanam sikap supaya timbul rasa benci kepada pemimpin Umno.

Beliau berkata masyarakat Islam tidak perlu bimbang dengan sekatan bantuan itu kerana ia hanya sementara dan apabila semua sekolah itu telah dibersihkan, bantuan itu akan diberikan semula.

"Kita kerajaan Malaysia memang bersikap adil iaitu semua sekolah diberikan bantuan. Jika sekolah ini tidak dipolitikkan pasti kerajaan akan bantu," katanya.

Mustapa bagaimanapun berharap masyarakat tidak akan terpengaruh dengan dakyah dan kempen PAS yang akan mempolitikkan isu itu bagi meminta rakyat menentang keputusan berkenaan.

Katanya, tindakan kerajaan itu dibuat setelah mengambil kira kepentingan jangka panjang pelajar Islam untuk memastikan mereka dapat belajar dan memberikan sepenuh tumpuan bagi menuntut ilmu.

Beliau sebaliknya mendakwa kerajaan PAS Terengganu sebenarnya yang menindas agama apabila menutup tadika Kemas dan digantikan dengan tadika Pasti.

Berhubung isu pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris, Mustapa yang juga Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) berkata semua pihak termasuk masyarakat Cina perlu menyokongnya bagi memastikan kecemerlangan Malaysia di masa depan.

"Kita tidak harus mengecualikan mana-mana sekolah daripada dasar ini dan kita yakin dasar ini memberi manfaat yang besar kepada Malaysia," katanya.

Beliau berharap masyarakat Cina menerima langkah memperluaskan penggunaan bahasa Inggeris itu.

Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) memberi tempoh hingga Selasa ini untuk parti-parti mewakili kaum Cina mencapai penyelesaian berhubung isu pelaksanaan pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina.

-- BERNAMA

RAR MOZ